

Nombor Satu

Musniffa Mustaffa

Bingung! Kenapa boleh jadi bingung begini? Cahaya kejora yang menghiasi kegelapan malam ini tidak dapat menerangi kesuraman yang melanda fikiranku yang berkecamuk dan benakku yang diselaputi kedukaan. Aku hanya mampu menatap empat dinding bilik kurungan ini dalam keadaan lemah dan lesu. Aku terasa seolah-olah malam ini mentertawakan aku. Seolah-olah ia mengatakan, “Kau kalah Hariz! Memang kau bukan nombor satu!”

“Tidak!” aku menjerit. “Nombor satu, itulah aku.”

Ibuku sering mengulangi satu falsafah hidupnya yang mahu aku ikuti. Ibu laungkan ke telingaku, “Ingat Riz, orang tak akan pandang kalau kita ni bukan nombor satu!”

Nombor satu. Sememangnya sejak di bangku sekolah rendah dan sekolah menengah, aku sahaja yang mendapat pangkat nombor satu. Kalau aku tidak dapat nombor satu, nahaslah jawabnya. Nantikan sahaja hadiah istimewa daripada ibuku yang bagaikan singa kelaparan menantikan mangsanya. Sudahlah begitu, tidak berani pula hendak aku minta Ibu menandatangani kad laporan sekolah. Akan dicampaknya melayang ke dalam tong sampah. Pernah suatu hari itu, aku pulang dengan membawa keputusan yang kurang memuaskan hatinya. Sejurus selepas makan malam, aku berikan kad laporan sekolahku itu kepada ibuku.

“Nombor dua saja, Riz? Nombor dua? Kenapa dengan kau ni, Riz? Banyak buang masa tengok tvlah tu! Kalau beginilah keputusan kau, gelap masa depan kau. Ingat Riz, orang tak akan pandang kita kalau kita ni bukan nombor satu!” leter ibuku dengan suaranya yang nyaring.

“Kalau nombor dua yang kau bawa balik, Ibu tidak mahu tandatangan!” Dipandangnya tembok yang mungkin lebih baik pencapaiannya daripada aku.

Aku beranikan diri melihat wajahnya. Dalam keadaan menggigil, “Tapi, Bu, esok Cikgu nak...”

“Tak ada tapi-tapi! Sudah, pergi masuk tidur! Ibu tak nak dengar lagi!” bentak ibuku lagi.

Kata-katanya itu terngiang-ngiang di telingaku. Susah hendak aku faham kata-katanya itu. Apa kurangnya aku mendapat nombor dua? Bukannya nombor dua puluh atau dua ratus. Ini pun baru kali pertama aku mendapat nombor dua. Selalunya aku *Number One! Numero Uno! First in class!* Adakah mendapat tempat kedua itu bererti aku telah tewas?

Oh tidak! Aku tidak mahu! Betul kata ibuku. Hanya nombor satu sahaja yang terbaik. Aku tidak boleh jatuh ke tangga kedua. Aku juga tidak mahu kalah!

Nenekku keluar dari dapur lalu memelukku. Hanya Nenek seorang sahaja yang dapat memahami jiwaku yang sedang menggelodak. Raut wajahku sekadar mencerminkan kemuraman namun tangisan hatiku yang luka sekuat bunyi meriam yang baru meledak.

Malam itu aku susah tidur. Rusing rasanya fikiranku. Kad laporanku entah ke mana Ibu campak. Aku pun tidak tahu. Aku cuba lelapkan mataku yang masih lagi merah dan bertakung dengan air mata lara. Namun, setiap kali aku pejamkan mata, setiap kali juga titisan-titisan air mata jatuh berlinangan ke pipiku. Tidak dapat aku gambarkan keperitan dan kepahitan yang menyelubungiku pada saat itu.

Malam itu malam hiba. Malam itu, aku rasa seolah-olah aku ini tidak berguna. Malam itu malam kecewa. Malam itu, aku rasa seperti seseorang yang bodoh dan tidak bermaya. Malam itu malam yang membawa celaka kepadaku. Malam itu aku sama seperti bintang yang kehilangan cahaya. Tidak berdaya. Tidak berupaya.

“Riz, cepat tukar baju. Nenek dah siapkan makanan kegemaran Riz,” suara nenekku yang lembut lagi lunak menenteramkan hatiku. Berbeza sungguh dengan ibuku yang asyik terlolong-lolong macam singa kelaparan. Aku tidak memahami akan sikap ibuku itu.

Apabila dapat nombor satu, Nenek selalu manjakan aku. Aku telah mendapat tempat pertama dalam kelas, maka itu Nenek telah menyediakan makanan kegemaranku. Sambal goreng, telur dadar berserta

ikan selar kuning goreng. Meleleh air liurku. Enak sungguh masakan Nenek. Selagi tidak ditambah dua tiga kali nasi tambah, memang aku tidak akan berganjak dari meja makan.

“Riz makan banyak-banyak tau. Nenek senang hati tengok cucu Nenek dapat nombor satu,” puji nenekku.

“Kalau hari-hari Nenek masak sedap sebegini, pendek kata selalulah Riz dapat nombor satu,” aku gurau bersahaja. Nenekku tertawa kecil sambil menggosok-gosok rambutku yang masih berminyak. Datuk dan nenekku teramat sayang padaku. Mereka sentiasa bangga dengan pencapaianku. Maklumlah, cucu kesayangan katakan. Cucu mereka yang membesar dengan nombor satu.

“Apa ni, Elfi? Abah nak Elfi dapat nombor satu. Ini nombor tiga!” Tanganku mencekup leher baju anakku, Elfi. Wajah Elfi kelihatan pucat dan dia menangis teresak-esak. Aku tidak dapat menahan marahku. Anakku tewas dalam pencapaiannya. Menyirap darahku.

“Riz, sudahlah tu. Syukur, Elfi mendapat tempat ketiga dalam kelasnya. Itu satu pencapaian yang baik. Lagipun dia baru sahaja berada dalam darjah satu,” isteriku cuba merayu supaya aku melepaskan Elfi.

Aku dan Rita sudah mendirikan rumah tangga selama lapan tahun. Setelah setahun kami berkahwin, kami dikurniakan seorang anak lelaki. Kami berikannya nama Elfi. Aku mahu yang terbaik untuk Elfi. Nombor satu dalam setiap apa yang dia lakukan.

“Mana boleh. Jangan masuk campur. Saya harus mengajar Elfi supaya perkara ini tidak berulang lagi,” aku menolak Rita, yang cuba menarik tanganku untuk melepaskan Elfi daripada genggamanku. Rita terjatuh dan kepalanya terhantuk meja yang berdekatan. Aku tidak mempedulikan Rita. Elfi sahaja dalam fikiranku sekarang.

“Elfi, Elfi mesti dapat nombor satu. Abah tak mahu lihat nombor yang lain kecuali nombor satu!” Tanpa aku sedari, aku telah menggoncang Elfi dengan begitu kuat. Seluruh tenagaku menggegarkan tubuh Elfi dengan harapan Elfi akan tahu betapa pentingnya nombor satu dalam hidup ini. Namun, Elfi sekadar diam membisu.

“Elfi mesti ingat, orang tak akan pandang kita kalau kita ni bukan nombor satu!” Tanpa kusedari aku telah mengulangi kata-kata ibuku. Falsafah hidup ibuku.

Rita mengesot ke arahku lalu merayu meminta aku melepaskan Elfi. Dia memegang kakiku dengan kedua belah tangannya. Dia tidak berdaya bangun. Mungkin disebabkan kepalanya sakit akibat terhantuk meja tadi. “Riz, sudahlah Riz. Lepaskanlah Elfi. Dia masih kecil lagi. Tolonglah, Riz.” Air matanya bercucuran. Suaranya terus merayu seolah-olah nyawanya di hujung pisau.

Aku terus memegang leher baju Elfi dan meneruskan leteranku. Emosiku tidak dapat kutahan. Aku mahu memastikan Elfi benar-benar faham. Bertalu-talu aku bertanya kepada Elfi, meminta pengakuannya sama ada dia faham dan berjanji perkara serupa tidak akan berulang lagi. Tanpa kusedari, tanganku yang menggenggam kuat leher baju Elfi, semakin lama semakin ketat kugenggam. Elfi sukar bernafas. Akhirnya, Elfi terkulai layu dalam genggamanku. Kakinya tidak lagi mampu mendukung badannya.

Aku melepaskan Elfi. Dia jatuh terjelepek ke lantai. Tiada gerakan, tiada suara. Hanya suara Rita yang meraung, memanggil-manggil Elfi, menyuruhnya bangun.

Aku keliru. Aku melihat dua belah tanganku. Aku tidak percaya dengan apa yang telah terjadi. Aku terduduk dan kali ini kedua belah tanganku berada di kepalaku.

“Riz, apa yang awak dah buat ni. Anak kita, Elfi, Riz! Anak kita!” Rita meraung, menangis tanpa henti. Malam pahit itu terus bermain dalam fikiranku. Namun, malam perit itu tidak sehebat malam ini. Malam ini, aku resah gelisah. Malam ini aku seperti orang hilang akal. Mulutku berkumat-komit tetapi tiada satu perkataan pun yang aku fahami. Pada saat-saat begini, alangkah baiknya kalau Nenek ada di sisiku. Rindu aku pada belaian tangannya. Yang terasa setiap kali Nenek menyentuhku hanyalah kelembutan bersalut kasih sayang yang tidak terhingga. Tidak seperti tangan Ibu yang hanya pandai melepaskan tamparan demi tamparan. Pukulan demi pukulan. Cubitan ke seluruh badan.

Aku lihat di sekelilingku. Hanya dinding kaku yang menemaniku. Keputusan mahkamah akan diumumkan esok. Apakah aku akan mendapat satu, dua, tiga ataupun sepuluh? Syabas Hariz! Syabas atas kejayaanmu ini!

Perbendaharaan Kata

- bentak - suara yang tinggi dan keras seperti orang marah
- berganjak - bergerak sedikit dari tempat asal
- berkecamuk - menjadi kacau atau tidak tenteram
- bertalu-talu - berkali-kali
- falsafah - pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar ilmu-ilmu lain
- mencekup - menutupkan tapak tangan ke atas sesuatu
- mengesot - bergerak (beralih) dengan menggeserkan punggung
- menggelodak - menggelegak, bergelora
- terlolong-lolong - terpekik-pekik
- tewas - kalah

